

Headline	Kecewa air, elektrik dipotong		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	11 Jan 2022	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Dlm Negeri	Page No	32
ArticleSize	315 cm ²	Journalist	ABD. RAZAK OSMAN
PR Value	RM 38,643		



Kecewa air, elektrik dipotong

Oleh **ABD. RAZAK OSMAN**
utusannews@mediamedia.com.my

SUNGAI PETANI: Penduduk di Kampung Baru Pulau Tiga, Sungai Layar di Lencongan Barat di sini kecewa dengan tindakan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (SADA) memotong bekalan elektrik serta air sejak semalam..

Penduduk mendakwa sebelum ini TNB dan SADA bersetuju mengambil tindakan memotong bekalan elektrik dan air di rumah yang tidak berpenghuni sahaja.

Tindakan tersebut diambil selepas kira-kira 30 keluarga di Kampung Baru Pulau Tiga, Sungai Layar itu diarahkan oleh Mahkamah Tinggi Alor Setar supaya mengosongkan tanah yang mereka didiami mereka selepas lewatnya pada 3 Januari ini.

Namun selepas rundingan diadakan, pihak mahkamah dan wakil pemilik tanah tersebut memberi masa selama dua minggu lagi kepada penduduk berpindah dari kawasan tersebut.



KAKITANGAN TNB melakukan kerja-kerja memotong bekalan elektrik di Kampung Baru Pulau Tiga, Sungai Layar, Lencongan Barat, Sungai Petani, Kedah. - UTUSAN/ABD. RAZAK OSMAN

Penduduk terlibat yang mendiami tanah seluas 44.2 hektar itu sejak 40 tahun lalu dikatakan milik seorang individu bergelar datuk.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kampung Baru Pulau Tiga, Suheme Hashim berkata, penduduk terkejut apabila TNB dan SADA memotong bekalan

elektrik dan air di rumah mereka walaupun masih mendiami rumah berkenaan.

Menurutnya, pihak terlibat sepatutnya mengambil tindakan tersebut di rumah yang telah ditinggalkan oleh pemiliknya selepas berpindah ke kawasan lain.

“Penduduk tidak berpuas hati dan marah apabila pihak TNB dan SADA memotong bekalan elektrik serta air tanpa belas kasihan.

“Bermula semalam, penduduk terlibat terpaksa tinggal di rumah masing-masing tanpa bekalan elektrik dan air,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Seorang penduduk di situ, Shuhaimi Saad, 45, berkata, dia terkejut apabila melihat kakitangan TNB dan SADA tiba di rumahnya untuk memotong bekalan elektrik serta air walaupun belum berpindah. Kakitangan agensi itu melakukan kerja-kerja tersebut walaupun penduduk merayu supaya ditangguhkan sementara sebelum dia berpindah dalam tempoh terdekat ini.